

## Sidang Dewan Rakyat

# TH meterai perjanjian kawal kenaikan kos haji

Kontrak jangka panjang dengan pihak di Arab Saudi elak harga naik setiap tahun

Oleh Suzalina Halid dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) berusaha mengawal peningkatan kos haji dengan memeterai perjanjian kontrak jangka panjang membabitkan beberapa perkhidmatan di Arab Saudi bagi mengelakkan harganya meningkat setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata perjanjian kontrak jangka panjang itu antara lain dimeterai dalam aspek penerbangan, penginapan dan sajian makanan.

"TH sentiasa peka dengan menyamak secara terperinci kos haji yang terkesan akibat peraturan dan cukai baharu yang diperkenalkan Kerajaan Arab Saudi.

"Melalui cara memeterai perjanjian kontrak jangka panjang, harga dapat ditetapkan untuk satu tempoh masa dan tidak dinaikkan setiap tahun," katanya pada



Mohd Na'im pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Mohammad Shafizan Kepli (GPS-Batang Lular) mengenai faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos untuk mengerjakan haji, serta syarat dan kelayakan baharu ditetapkan.

Menjelaskan lanjut, Mohd Na'im memaklumkan bahawa kos haji, kadar bayaran haji dan bantuan kewangan haji akan diumumkan selepas perbincangan menyeluruh dibuat dengan mengambil kira keupayaan serta kedudukan kewangan TH.

Sebagai institusi Islam yang ko-

mitted memastikan kebajikan jemaah haji terpelihara, katanya, TH akan terus memberi bantuan kewangan untuk jemaah haji Muassasah yang berkelayakan.

## Kenaikan cukai

Beliau berkata, kenaikan kadar cukai tambah nilai di Arab Saudi daripada lima kepada 15 peratus bermula Julai 2020 juga adalah antara punca kenaikan kos yang agak ketara.

"Peningkatan kos haji tidak dapat dielakkan kerana ia terdedah kepada faktor di luar kawalan TH. Ini termasuk kadar inflasi dan percukaian di Arab Saudi, ka-

dar tukaran mata wang ringgit berbanding riyal Saudi dan dolar Amerika.

"Ia juga membabitkan projek pembesaran berterusan di Makkah dan Madinah yang menyebabkan banyak bangunan penginapan jemaah haji dirobohkan dan memberi tekanan kepada pasaran harga sewaan," katanya.

Mohd Na'im berkata, terdapat juga caj dikenakan pihak berkuasa Arab Saudi bagi pelbagai perkhidmatan yang disediakan untuk kebajikan dan keselesaan jemaah haji di Tanah Suci.

Mengenai syarat dan kelayakan mengerjakan haji pada 1445H pula, beliau berkata, ia sama seperti musim haji 1444H melainkan jika ada peraturan baharu dikuatkuasakan Kerajaan Arab Saudi.

"Antaranya ialah tiada had umur ditetapkan Kerajaan Arab Saudi bagi bakal jemaah haji yang ingin menunaikan haji," katanya.

Seterusnya, Mohd Na'im berkata, bakal jemaah haji dinasihatkan mengambil suntikan vaksin tambahan membabitkan influenza dan pneumococcal di kemudahan kesihatan swasta dengan kos ditanggung sendiri.

Beliau berkata, setiap bakal jemaah haji juga perlu lulus pemeriksaan kesihatan dengan kriteria dan garis panduan kesihatan yang ditetapkan, sebelum dibenarkan berangkat ke Tanah Suci.